



MEMBINA KERJAYA KEJURUTERAAN DI UNIKL

UniKL MSI juga menawarkan program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di dalam bidang Mekanikal, Mekatronik, Pembuatan, Automotif dan Elektronik Gunaan. Selain itu, UniKL MSI juga menawarkan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian di kampus Kulim Hi-Tech Park.

Program ini memberi tumpuan kepada semua jenis reka bentuk dan pembangunan sistem mekanikal termasuk automotif. Ia juga merangkumi thermodynamics, heat transfer, structures and materials, fluid dynamics and advanced control systems. Kejuruteraan automotif khususnya memberi tumpuan kepada penciptaan reka bentuk, pembuatan dan operasi enjin dan kereta. Ia bukan sahaja

menawarkan latihan teoritik tetapi juga aplikasi praktikal di mana para penuntut akan mendapat pengalaman secara langsung dalam pengendalian serta operasi mesin dan enjin.

Tambahan pula, penuntut di kampus akan diberikan kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal agar mereka bersiap-sedia menghadapi cabaran kerjaya pada masa depan. Selain daripada tumpuan

pada bidang pengkhususan, mereka juga akan didedahkan kepada pengetahuan lain seperti pengurusan, amalan perniagaan, kepimpinan dan keusahawanan sebagai nilai tambahan. Haluan ini bukan sahaja meningkatkan kepakaran kejuruteraan malah memberikan pengetahuan yang boleh membantu para pelajar memulakan perniagaan mereka sendiri apabila tamat pengajian mereka kelak.

Para pelajar akan diberikan pembelajaran praktikal atau "hands-on" menerusi peralatan dan kemudahan yang disediakan sejajar dengan piawaian industr. Selain kemahiran teknikal,

UniKL MSI juga mengutamakan kemahiran komunikasi melalui aktiviti dan program yang dianjurkan oleh UniKL MSI sendiri sambil mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif.

Menerusi kerjasama strategiknya dengan kerajaan Sepanyol, UniKL MSI berkongsi teknologi serta kepakaran dan seterusnya menyediakan bengkel dan makmal berteknologi tinggi dengan kelengkapan, peranti, mesin dan peralatan yang terkini. Kemudahan-kemudahan ini terdiri daripada beberapa makmal dan bengkel, termasuk Material Engineering Laboratory, Thermal

Laboratory, Fluid Mechanics Laboratory, CAD/CAE Laboratory, Automotive Labs, Design Development and Prototyping Labs.

Pengambilan terdekat pelajar baru bagi program diploma dan ijazah di UniKL MSI adalah pada bulan Julai & September 2019.

UniKL MSI merupakan salah satu kampus Universiti Kuala Lumpur sebuah universiti milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **04-403 5200** atau hantarkan e-mel kepada **msuyardi@unikl.edu.my** atau lawati **www.unikl.edu.my**



10 Apr 2019
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement • Page: C62 • Printed size: 325.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 12,803.00
Item ID: MY0035661802

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Program ini memberi tumpuan kepada semua jenis reka bentuk dan pembangunan sistem mekanikal termasuk automotif. Ia juga merangkumi thermodynamics, heat transfer, structures and materials, fluid dynamics and advanced control systems. Kejuruteraan automotif khususnya memberi tumpuan kepada penciptaan reka bentuk, pembuatan dan operasi enjin dan kereta. Ia bukan sahaja

menawarkan latihan teoritikal tetapi juga aplikasi praktikal di mana para penuntut akan mendapat pengalaman secara langsung dalam pengendalian serta operasi mesin dan enjin.